



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
Jalan Bukit Kecil,
20604 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman.

Tel. : 09-621 3000/3001
Faks. (Fax) : 09-622 7207/09-623 8415
Laman Web : jpnterengganu.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNT.SPM.UHEM 600-11/2/7 Jld.4 (5)
Tarikh : 12 Mac 2023

YBrs. Dr.Tan Guan Heng
Ketua Pegawai Eksekutif,
Akademi J&W Sdn. Bhd.
1st Floor, 51-53A,
Jalan SS25/2,
Taman Bukit Emas,
47301 Petaling Jaya,
Selangor.

Tuan,

**PERMOHONAN KEBENARAN MENGANJURKAN KAUNSELING KURSUS
UNIVERSITI DAN PEKERJAAN – PROGRAM PENAJAAN PENDIDIKAN (PPP) DI
SEKOLAH MENENGAH BAGI LEPASAN SPM DAN STPM**

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas dan surat tuan rujukan JW25052022/00001 () bertarikh 23 Februari 2023 adalah dirujuk dan berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) **tiada halangan** bagi memberi kelulusan kepada permohonan tuan untuk menjalankan program tersebut. Pihak tuan perlu **mengadakan perbincangan dengan pengetua sekolah** yang terlibat untuk mendapatkan pandangan dan kaedah terbaik bagi melaksanakan program berkenaan memandangkan murid yang terlibat adalah di bawah kawalan pentadbiran pengetua berkenaan.

3. Sehubungan dengan itu Permohonan ini adalah tertakluk kepada Surat Perkeliling Ikhtisas Bil. 10/2011 - Garis Panduan Penglibatan Pihak Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Pihak Luar Selain Daripada Agensi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia di samping mematuhi syarat-syarat berikut :

- 3.1. Mendapatkan kebenaran dan kerjasama daripada Pegawai Pendidikan Daerah dan Pengetua/Guru Besar sekolah-sekolah berkenaan;
- 3.2. Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.3. Penyertaan murid hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) mereka;

...2

- 3.4 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini ;
- 3.5. Murid-murid, guru-guru, warga sekolah mahupun pihak sekolah sendiri tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;
- 3.6. Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga. Yuran penyertaan adalah bawah tanggungan sendiri ;
- 3.7. Tiada implikasi kewangan kepada KPM, JPN, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, guru dan murid yang terlibat dengan program ini;
- 3.8. Penganjur bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum (jika berkaitan);
- 3.9. Surat kebenaran / kelulusan ini bukan sebagai pengesahan program dianjurkan secara kolaborasi bersama KPM. Sijil penyertaan program yang ditandatangani oleh pengurusan tertinggi KPM tidak dibenarkan kecuali program kerjasama dengan pihak KPM secara langsung;
- 3.10. Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut;
- 3.11 Sekiranya laporan program diterbitkan atau disiarkan dalam mana-mana platform media, bahan tersebut perlu mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada pihak kementerian;
- 3.12. Mematuhi Garis Panduan Pengurusan dan Pengoprasian Institusi Pendidikan KPM. Pihak tuan juga perlu mematuhi segala garis panduan yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sepanjang program dijalankan ; dan
- 3.13. KPM berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa serta tidak mematuhi garis panduan KPM,MKN dan KKM.

4. Untuk makluman tuan, pihak KPM sentiasa Melindungi Masa Instruksional (MMI), iaitu masa PdP murid. Oleh yang demikian, pihak kami mencadangkan supaya penyertaan murid bagi program tersebut diadakan di luar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu PdP murid; dan dilaksanakan di luar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu yang dibenarkan sahaja.

5. Kelulusan ini (**PERMOHONAN KEBENARAN MENGANJURKAN KAUNSELING KURSUS UNIVERSITI DAN PEKERJAAN – PROGRAM PENAJAAN PENDIDIKAN (PPP) DI SEKOLAH MENENGAH BAGI LEPASAN SPM DAN STPM**) hanya untuk tujuan dimohon sahaja dan akan luput selepas **15 Disember 2023**. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada **Puan Rabilah binti Abdul Razak** ditalian **09-6213305/01110703522** Unit Hal Ehwal Murid, Sektor Pembangunan Murid, JPNT.

Sekian, terima kasih.

“ANJAKAN MUAFAKAT NEKAD”

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

HAJI ABDUL MUIE BIN NGAH
Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

s.k.

Timbalan Pengarah Pendidikan Sektor Pembangunan Murid

- Makluman tuan

LAMPIRAN 1

LAPORAN AKTIVITI DAERAH / NEGERI

1. NAMA AKTIVITI :
2. TARIKH PELAKSANAAN:
3. TEMPAT :
4. PENGLIBATAN / PENYERTAAN:

BIL	KOD SEKOLAH	SEKOLAH	DAERAH	JANTINA		BANGSA				JUMLAH	
				L	P	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	MURID	GURU

5. JADUAL PELAKSANAAN AKTIVITI :
6. PERBELANJAAN / PERUNTUKAN YANG DITURUNKAN : *(***Jika berkaitan)*
7. KEPUTUSAN PERTANDINGAN / PEMENANG : *(***Jika berkaitan)*

KATEGORI PERTANDINGAN				
KEDUDUKAN	NAMA MURID	ID MURID	SEKOLAH	DAERAH
PERTAMA				
KEDUA				
KETIGA				
KEEMPAT				
KELIMA				

8. ISU DAN CABARAN :
9. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN :
10. GAMBAR :

Disediakan oleh :

Tarikh :